ZIKA & KEHAMILAN

Wanita hamil yang dijangkiti virus Zika boleh memindahkan virus tersebut kepada **bayi dalam kandungannya.**

Ia boleh mengganggu **perkembangan otak janin** dan mengakibatkan **bayi dilahirkan dengan kepala kecil *(Microcephaly).***

Wanita hamil perlu:

- Mematuhi jadual temujanji ibu hamil.
- Segera berjumpa dengan doktor atau anggota kesihatan **JIKA ANDA** mempunyai gejala dan tanda Zika.
- Elakkan daripada gigitan nyamuk dengan:
  - Memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang yang berwarna cerah.
  - Menggunakan penghalau nyamuk dan repelen.
  - Semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa.
  - Menggunakan kelambu ketika tidur.
  - Elakkan aktiviti luar pada waktu puncak nyamuk Aedes menggigit (5 pagi – 7 pagi) dan (5 petang – 7 malam).
  - Pastikan persekitaran rumah bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk dengan melakukan aktiviti pembersihan persekitaran setiap minggu.
- Gunakan kondom setiap kali melakukan hubungan seks dengan pasangan yang telah dijangkiti virus Zika sepanjang tempoh kehamilan.

“LINDUNGI BAYI ANDA DARIPADA ZIKA”

Untuk maklumat lanjut, sila layari
www.infosihat.gov.my
www.moh.gov.my

Diterbitkan oleh:
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

B.P.K.K
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

ZIKA & HUBUNGAN SEKSUAL

Virus Zika mampu bertahan selama **6 bulan di dalam air mani / semen lelaki** dan **2 bulan di dalam cecair faraj wanita** yang telah dijangkiti.

Ambil keputusan bijak:



Tangguhkan kehamilan.



Kurangkan risiko penyebaran kepada pasangan. Gunakan kondom setiap kali melakukan hubungan seks.

Ketahui risiko jangkitan virus Zika kepada anak dalam kandungan.

Dapatkan maklumat lanjut daripada anggota kesihatan di fasiliti kesihatan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari
www.infosihat.gov.my
www.moh.gov.my

"AMALKAN HUBUNGAN SEKS YANG SELAMAT - LINDUNGI BAYI ANDA DARIPADA ZIKA"

Diterbitkan oleh:
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

B.P.K.K
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA